

# SURAH AL-KAFIRUN

Surah Orang-orang Kafir  
Surah (109) - Makkiyah - 6 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.

(2)

2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.

(3)

3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(4)

4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.

(5)

5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Orang-orang Arab tidak mengingkari kewujudan Allah, tetapi mereka hanya tidak mengetahui hakikat Allah seperti yang diterangkan oleh Allah

sendiri, iaitu bersifat Tunggal dan selama-lamanya menjadi Tumpuan Seluruh Makhhluk, kerana itu mereka mempersekutui Allah (syirik), mereka tidak meletakkan Allah pada martabat-Nya yang sebenar dan tidak beribadat kepada-Nya dengan ibadat yang sebenar. Mereka mempersekutui Allah dengan berhala-berhala yang melambangkan tokoh-tokoh yang soleh dan tokoh-tokoh pembesar dan datuk nenek mereka atau berhala-berhala yang melambangkan malaikat-malaikat yang dianggap mereka sebagai anak-anak perempuan Allah, demikian juga mereka percaya bahawa antara Allah dengan jin ada hubungan keturunan, atau mereka menyembah tuhan-tuhan itu sedangkan mereka lupakan perlambangan-perlambangan ini.

Dalam keadaan-keadaan ini, tuhan-tuhan itu disembah mereka dengan tujuan supaya tuhan-tuhan itu dapat memperdekatkan mereka dengan Allah sebagaimana al-Qur'an menceritakan perkataan mereka dalam Surah az-Zumar.

**3. "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya."**

Al-Qur'an menceritakan bahawa mereka juga mengiktiraf Allah sebagai Pencipta langit dan bumi, mengendali matahari dan bulan dan menurunkan hujan dan langit sebagaimana tersebut dalam Surah al-Ankabut:

(61)

**61. "Dan jika engkau bertanya mereka siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan mengendalikan matahari dan bulan, nescaya mereka menjawab; "Allah".**

(63)

**63. "Dan jika engkau bertanya siapakah yang menurunkan air hujan dari langit dan menghidupkan bumi dengannya selepas matinya (tandusnya), nescaya mereka menjawab; "Allah".**

(Surah al-Ankabut)

Dalam sumpah-sumpah mereka, mereka berkata: "Demi Allah" dan dalam doa mereka, mereka berkata: "Wahai Allah". Tetapi walaupun mereka beriman kepada Allah, namun kepercayaan syirik telah merosakkan pemikiran mereka sebagaimana mereka dirosakkan oleh adat-resam dan syi'ar-syi'ar traditional mereka. Mereka memperuntukan satu bahagian dari hasil-hasil tanaman dan ternakan kepada tuhan-tuhan yang didakwakan mereka dan satu bahagian dari anak-anak mereka sehingga peruntukkan itu kadang-kadang membawa kepada membunuh anak-anak mereka.

Hal ini telah diterangkan oleh al-Qur'anul Karim dalam surah al-An'am.

(136)

**136. "Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: 'Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahhan-semбахan kami." Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahhan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sampai kepada sembahhan-semбахan mereka. Alangkah buruknya apa yang diputuskan mereka."**

(Maksudnya mereka membuat peruntukan sebahagian untuk Allah dan bahagian ini dibelanjakan kepada fakir-fakir miskin dan kebajikan-kebajikan sosial yang lain, dan bahagian untuk sembahhan-semбахan mereka diberikan kepada penjaga-penjaga berhala. Dalam amalan mereka, apa yang menjadi bahagian Allah boleh diberikan kepada berhala-berhala dan apa yang menjadi bahagian berhala-berhala itu tidak boleh diberi kepada Allah iaitu diberikan kepada fakir miskin atau kebajikan-kebajikan sosial yang lain.)

(137)

**137. "Demikianlah juga ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai daripada orang Musyrikin memandang baik membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah menghendaki, nescaya mereka tidak berbuat begitu, kerana itu tinggalkan mereka dan perbuatan-perbuatan yang diada-adakan mereka."**

(Mereka memandang baik membunuh anak-anak mereka dengan alasan mendekati diri kepada Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim a.s.)

(138)

**138. "Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman yang terlarang, yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang kami kehendaki sahaja mengikut anggapan mereka, juga ternakan-**

ternakan yang diharamkan menunggangnya dan ternakan-ternakan yang tidak mereka sebutkan nama Allah ketika menyembelihkannya. Allah akan membalas mereka dengan sebab pembohongan yang diada-adakan mereka."

(139)

139. "Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada dalam perut binatang-binatang ternakan itu adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada para wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya.' Allah akan membalas mereka terhadap keputusan yang dibuat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."

(140)

140. "Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tanpa ilmu pengetahuan dan mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan di atas Allah. Sesungguhnya mereka telah sesat dan mereka tidak mendapat hidayah."

(Surah al-An'am)

Mereka menganggap diri mereka mengikut agama Ibrahim dan mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayah daripada kaum Ahli Kitab yang hidup bersama-sama mereka di Semenanjung Tanah Arab, kerana orang-orang Yahudi menganggapkan 'Uzayr putera Allah dan orang-orang Nasara menganggapkan 'Isa putera Allah, sedangkan mereka sendiri menyembah malaikat dan jin dengan anggapan bahawa malaikat dan jin itu mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah menurut sangkaan mereka yang karut, oleh itu mereka mengira diri mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayah dari kaum ahli Kitab, kerana bagi mereka hubungan malaikat dan jin dengan Allah lebih dekat daripada hubungan 'Uzayr dan 'Isa. Tetapi semua kepercayaan itu adalah syirik belaka dan di sana tiada syirik yang lebih baik atau terpilih.

Apabila Nabi Muhammad s.a.w. datang dan menerangkan kepada mereka bahawa agamanya ialah agama Ibrahim a.s., mereka pun berkata: Kami juga mengikut agama Ibrahim. Oleh itu apakah perlunya bagi kami meninggalkan agama kami untuk mengikut Muhammad? Serentak dengan itu juga mereka berusaha memujuk Rasulullah s.a.w. supaya mempersetujui satu jalan tengah di antaranya dengan mereka iaitu mereka mencadang

supaya Muhammad bersetuju menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan mereka menyembah Tuhan Muhammad, juga supaya Muhammad tidak mengkritik tuhan mereka dan 'amal 'ibadat mereka. Mungkin kerana kekacauan kepercayaan mereka dan kerana pengiktirafan mereka terhadap Allah di samping mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain, mungkin kerana inilah mereka merasa jarak di antara mereka dengan Muhammad itu amat dekat iaitu boleh dicari jalan persefahaman dengan membahagi negeri kepada dua zon dan mencari jalan tengah di samping memenuhi setengah-setengah kehendak peribadi.

Untuk menghapuskan kekeliruan ini dan memotong segala usaha untuk mencari tolak ansur dan seterusnya untuk meletakkan garis pemisah yang tegas di antara 'ibadat mereka dengan 'ibadat Islam, di antara sistem mereka dengan sistem Islam dan di antara pemikiran mereka dengan pemikiran Islam, maka surah ini diturunkan sedemikian tegas dan sedemikian berulang-ulang untuk menolak segala usaha tawar menawar dan meletakkan garis pemisah yang muktamad di antara Tauhid dengan syirik, dan menegakkan tanda-tanda perbezaan yang jelas yang tidak menerima tawar menawar dan tidak boleh dipertikaikan lagi sedikit atau banyak.

(1)

**1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.**

(2)

**2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.**

(3)

**3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.**

(4)

**4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.**

(5)

**5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.**

(6)

**6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.**

Dalam ayat-ayat ini terdapat penafian selepas penafian, penegasan selepas penegasan, penekanan selepas penekanan. Ia menggunakan segala uslub penafian, penegasan dan penekanan. Maksud Qul "Katakanlah" ialah suatu perintah Ilahi yang tegas yang membayangkan bahawa persoalan 'aqidah adalah urusan Allah yang Maha Tunggal, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. tidak punya sesuatu pun dalam urusan ini. Allah jua yang memerintah dan menghukum, perintah dan hukum-Nya tidak boleh ditolak.

(1)

**1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.**

Allah menyeru mereka dengan hakikat diri mereka yang sebenar dan menyifatkan mereka dengan sifat-sifat mereka yang sebenar iaitu mereka bukan berada di atas agama yang benar, mereka bukan orang-orang mu'min malah mereka adalah orang-orang yang kafir. Tiada titik pertemuan di antara engkau dengan mereka. Ayat pertama ini menerangkan hakikat perpisahan yang tidak mungkin bertemu.

(2)

**2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.**

Maksudnya, kerana itu 'ibadatku tidak sama dengan 'ibadat kamu Tuhanku tidak sama dengan tuhan kamu.

(3)

**3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.**

Maksudnya, kerana itu 'ibadat kamu tidak sama dengan 'ibadatku dan tuhan kamu tidak sama dengan Tuhanku.

(4)

**4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.**

Ini ialah ayat penguat bagi ayat yang pertama.

(5)

**5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.**

Ayat ini merupakan ulangan untuk menguatkan ayat yang kedua supaya tidak ada ruang lagi bagi sebarang kekeliruan setelah ditegas dan diulang dengan segala cara penegasan dan ulangan.

(6)

## **6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.**

Ayat ini merupakan kesimpulan dari hakikat perpisahan yang tidak mungkin bertemu dan hakikat perbezaan yang tidak mungkin dicampuradukkan. Aku di sini kamu di sana, tiada jambatan, tiada titian dan tiada jalan yang menghubungkan di antara kita. Satu perpisahan yang syumul dan satu perbezaan yang amat jelas dan halus. Perpisahan ini adalah perlu untuk menjelaskan tanda-tanda perbezaan yang pokok yang mustahil dapat diadakan pertemuan di antara kedua-duanya di tengah jalan, iaitu perbezaan dalam asas i'tiqad, dasar pemikiran, hakikat sistem hidup dan tabiat agama. Tauhid merupakan satu sistem dan syirik merupakan satu sistem yang lain pula. Kedua-duanya tidak mungkin bertemu.

Tauhid satu sistem yang membawa manusia dan 'alam seluruhnya kepada Allah yang Tunggal, tiada sekutu bagi-Nya. Ia menentukan sumber tempat manusia menerima 'aqidahnya, syari'atnya, nilai-nilai dan ukurannya, adab sopan dan akhlakunya, pandangan-pandangannya terhadap hidup dan 'alam. Sumber yang diterima oleh orang Mu'min itu ialah Allah yang Tunggal tiada sekutu bagi-Nya. Seluruh hidupnya ditegakkan di atas asas ini tanpa bercampur dengan sebarang bentuk syirik sama ada zahir (kasar) atau pun khafi (halus).

Perpisahan yang jelas ini perlu kepada para penda'wah dan kepada mereka yang dida'wah. Kepercayaan-kepercayaan Jahiliyah telah bercampur-aduk dengan kepercayaan-kepercayaan keimanan yang benar terutama pada kumpulan-kumpulan manusia yang telah mengenal 'aqidah yang benar, kemudian menyeleweng darinya. Kumpulan-kumpulan manusia seperti ini adalah paling degil untuk kembali beriman dalam bentuknya yang bersih dari sebarang penyelewengan. Mereka lebih degil dari kumpulan manusia yang tidak pernah mengenal 'aqidah yang benar. Mereka merasa diri mereka di atas jalan yang benar, sedangkan mereka sebenarnya sesat dan menyeleweng.

Percampuran aduk kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan mereka di antara yang baik dengan yang rosak itu kadang-kadang memberi harapan kepada penda'wah untuk menarik mereka apabila ia mengakui aspek yang betul dan cuba membetulkan aspek yang rosak, tetapi godaan dan harapan ini amat merbahaya. Jahiliyah tetap Jahiliyah, Islam tetap Islam. Di antara kedua-duanya dipisahkan oleh satu perbezaan yang jauh. Satu-satunya jalan ialah keluar dari keseluruhan Jahiliyah dan masuk ke dalam keseluruhan Islam atau tinggalkan Jahiliyah dengan segala apa yang ada padanya dan pindah ke dalam Islam dengan segala apa yang ada padanya.

Langkah pertama bagi penda'wah ialah merasa dirinya benar-benar terpisah dari Jahiliyah baik dari segi pemikiran, cara hidup dan tindakan, iaitu satu perpisahan yang tiada titik pertemuan dan tiada kemungkinan untuk bekerjasama kecuali orang-orang yang berada dalam Jahiliyah itu berpindah dengan keseluruhan mereka ke dalam Islam. Tidak ada tampal menampal, tidak ada penyelesaian separuh jalan, tidak ada pertemuan di pertengahan jalan biar bagaimana sekalipun Jahiliyah itu menyalutkan badannya dengan pakaian Islam atau memakai nama Islam.

Kejelasan gambaran ini dalam kesedaran penda'wah merupakan batu asas da'wah. Dia harus sedar bahawa dia bukan seperti mereka. Agama mereka tidak serupa dengan agamanya. Jalan hidup mereka tidak sama dengan jalan hidupnya. Dia tidak mungkin mengikuti jalan hidup mereka walaupun selangkah. Tugas utamanya ialah membawa mereka mengikuti jalan hidupnya tanpa ampu-mengampu dan tanpa bertolak ansur sama ada sedikit atau banyak mengenai (kehendak agamanya). Itulah sikap pembebasan dan pemisahan diri yang sempurna dan tegas dari (kaum kafirin).

(6)

#### **6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.**

Para penda'wah hari ini amat perlu kepada perpisahan yang tegas ini. Mereka amat perlu kepada perasaan bahawa mereka sedang mengembang semula Islam di dalam satu 'alam sekitar Jahiliyah yang menyeleweng atau dalam kumpulan manusia yang dulunya telah mengenal 'aqidah yang benar, tetapi setelah lama dilalui zaman, hati mereka menjadi keras dan menyeleweng dari jalan yang benar.

#### **16. "Hati mereka menjadi keras dan sebilangan besar dari mereka adalah fasik (menyeleweng dan jalan yang benar). "**

(Surah Al-Hadid)

Dalam melaksanakan da'wah di sana tiada da'wah separuh masak, tiada da'wah tolak ansur di tengah jalan, tiada da'wah sekadar membetulkan yang cacat dan tiada da'wah tampalan-tampalan, malah da'wah kepada Islam adalah sama dengan da'wah pada zaman permulaan iaitu pemisahan yang putus dari Jahiliyah. 6. "Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku." Agamaku ialah agama Tauhid yang bersih yang menerima seluruh konsep dan nilainya, 'aqidah dan syari'atnya dari Allah yang Tunggal sahaja tanpa sekutu dalam segala bidang hidup dan perilaku.

Tanpa pemisahan yang seperti ini, kekeliruan, kekaburan, bermuka-muka dan tampalan-tampalan akan terus kekal, sedangkan da'wah Islam tidak boleh ditegakkan di atas asas-asas yang lemah, malah ia tidak dapat ditegakkan melainkan di atas asas yang tegas, terus-terang, berani dan jelas. Inilah jalan da'wah yang mula pertama:

(6)

**6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.**